

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**PENGURUSAN DANA WAKAF  
UNIVERSITI MENURUT ENAKMEN  
WAKAF NEGERI SELANGOR**

**MOHD. ALI BIN MUHAMAD DON**

Tesis ini dikemukakan bagi memenuhi keperluan  
**Ijazah Doktor Falsafah**

**Akademi Pengajian Islam Kontemporari**

Jun 2017

## DEKLARASI PENULIS

Saya mengaku bahawa tesis ini dibuat mengikut peraturan Universiti Teknologi MARA. Ia tulen dan merupakan hasil kerja saya sendiri, kecuali yang dinyatakan sebaliknya sebagai rujukan kajian. Tesis ini tidak pernah diajukan kepada mana-mana institusi pendidikan ataupun bukan institusi pendidikan untuk memperoleh sebarang sijil dan syarat kelayakan.

Saya dengan ini mengaku telah mematuhi segala syarat dan peraturan pengajian pascasiswazah seperti mana yang ditetapkan oleh Universiti Teknologi MARA dalam pengajian dan kajian yang dilakukan.

Nama Pelajar : Mohd. Ali Bin Muhamad Don  
No Pelajar : 2012524789  
Program : Doktor Falsafah Pengajian Islam Kontemporari - IC990  
Fakulti : Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)  
Tajuk Tesis : Pengurusan Dana Wakaf Universiti Menurut Enakmen Wakaf  
Negeri Selangor

Tandatangan Pelajar :  .....

Tarikh : Jun 2017

## ABSTRAK

Wakaf merupakan satu daripada instrumen terpenting yang menjadi pemangkin perkembangan Institusi Pendidikan Islam sejak dahulu lagi. Ini terbukti dengan penggunaan dana wakaf untuk pembinaan Masjid Quba' yang turut berperanan sebagai institusi pendidikan awal. Ia terus berkembang sehingga tertubuhnya universiti wakaf terulung iaitu Universiti al-Azhar di Mesir. Sejak itu konsep pembiayaan pendidikan berasaskan wakaf turut dicontohi di lain-lain universiti di dunia Islam mahupun di Barat. Mutakhir ini, Pusat Pengajian Tinggi di Malaysia turut mengamalkan konsep pembiayaan pendidikan berasaskan wakaf. Ini terutamanya disebabkan oleh pengurangan bajet yang diterima oleh pihak universiti dan wakaf dilihat mempunyai prospek yang baik bagi penambahan dana. Namun begitu pengurusan wakaf di Malaysia adalah terikat dengan peruntukan enakmen Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), di mana MAIN sebagai pemegang amanah tunggal (sole trustee) sehingga tiada pihak dibenarkan menguruskan wakaf tanpa kebenaran MAIN. Akibatnya terdapat universiti mengguna pakai istilah endowment bagi mengelak terikat dengan enakmen. Justeru kajian ini dibuat bertujuan untuk mengenal pasti kaedah pengurusan dana wakaf di beberapa buah universiti di Negeri Selangor. Seterusnya kajian membuat analisa terhadap isu-isu yang berbangkit dari aspek pengurusan dan perundangan wakaf universiti. Akhirnya kajian mencadangkan model pengurusan wakaf universiti yang mematuhi kerangka perundangan wakaf di Negeri Selangor. Bagi mencapai objektif tersebut kajian memilih reka bentuk kualitatif menggunakan kaedah analisis dokumen untuk membentuk landasan teoretikal dan temu bual separa struktur untuk mendapatkan data berkaitan pengurusan dan perundangan wakaf di universiti. Data-data temu bual dianalisis menggunakan Computer-Assisted Qualitative Data Analysis Software (CAQDAS), iaitu perisian Atlas.ti versi 7.5.10. Hasil kajian mendapati UIAM, UKM dan UPM telah berjaya memperkenalkan skim wakaf untuk pendidikan tinggi sama ada melalui kerjasama strategik dengan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mahupun menguruskan wakaf secara berkecuali. Kajian juga telah menemui beberapa permasalahan yang telah merencatkan perkembangan wakaf di universiti. Sebagai langkah mengatasinya, kajian telah mengemukakan teori al-wilāyah untuk menyelesaikan masalah yang berlaku.

# ISI KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA</b>	ii
<b>DEKLARASI PENULIS</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>PENGHARGAAN</b>	vi
<b>ISI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xv
<b>SENARAI RAJAH</b>	xvi
<b>SENARAI KES</b>	xviii
<b>JADUAL TRANSLITERASI</b>	xix
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xxi
<b>BAB SATU: PENDAHULUAN</b>	1
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	2
1.1.1 Pengurusan Wakaf Pendidikan Di Malaysia	3
1.1.2 Perundangan Wakaf di Malaysia	10
1.2 Permasalahan Kajian	12
1.3 Persoalan Kajian	17
1.4 Objektif Kajian	17
1.5 Kepentingan Kajian	18
1.6 Definisi Operasi Kajian	19
1.6.1 Pengurusan	19
1.6.2 Dana Wakaf	20
1.6.3 Enakmen	21
1.7 Skop dan Limitasi Kajian	22

# BAB SATU

## PENDAHULUAN

### 1.0 PENGENALAN

Wakaf merupakan ibadah berbentuk kehartaan<sup>1</sup> yang disyariatkan berdasarkan keumuman ayat al-Quran dan hadis Nabi Muhammad SAW berkaitan infak *fisabilillah* dan sedekah<sup>2</sup>. Nabi Muhammad SAW mempelopori ibadah ini dengan mewakafkan kebun milik Mukhairiq<sup>3</sup> yang dianggap sebagai wakaf kebajikan pertama dalam Islam<sup>4</sup>. Sunah berwakaf diikuti oleh para sahabat, *tābi*<sup>5</sup> dan umat Islam masa ke semasa untuk menyediakan pelbagai keperluan awam<sup>5</sup> seperti membina penempatan untuk anak yatim, sekolah, jambatan, *Carravanserai*<sup>6</sup> iaitu rumah persinggahan musafir dan sebagainya.

Penglibatan masyarakat Islam di Malaysia dengan kegiatan berwakaf dikaitkan dengan kemasukan Islam ke Alam Melayu<sup>7</sup>. Sejak itu pelbagai pihak terlibat berwakaf, mencakupi pelbagai bentuk wakaf khususnya dalam sektor pendidikan. Ini terbukti dengan kewujudan sekolah pondok, madrasah, kolej atau maahad yang didirikan di atas tanah wakaf<sup>8</sup>. Mutakhir ini semangat untuk berwakaf telah mempengaruhi beberapa buah institusi pendidikan tinggi (IPT) atau universiti untuk terlibat secara langsung dalam kegiatan wakaf. Namun terdapat halangan dari sudut perundangan yang menetapkan MAIN sebagai pemegang tunggal wakaf dan masalah

---

<sup>1</sup>Al-Masriy, Rafiq Yūnus, *Fiqh al-Mu'āmalah al-Māliyyah* (Damsyik: Dār al-Qalām, 2008), 251.

<sup>2</sup>Al-Zarqa, Mustafa Ahmad, *Ahkām al-Waqf* (Amman: Dār 'Ammār, 1998), h. 19; al-Jamal, Ahmad Muhammad Abdul Azim, *Dawr Nizām al-Waqf fi Tanmiyyah al-Iqtisadiyyah al-Mu'āsirah*, (Kaherah: Dār al-Salām, 2008), 17.

<sup>3</sup>Mukhairiq ialah seorang Yahudi Bani Nadzir yang telah memeluk Islam kemudian mati syahid dalam Peperangan Uhud, lihat Ibn Hisyam, *al-Sirah al-Nabawiyah*, Jil. 3, (Mesir: Maktabah al-Tawfiqiyah, 1213H), 29. Pendapat lain mengatakan dia mati dalam agama Yahudi sehingga dikatakan oleh Nabi SAW sebagai Yahudi yang baik. Lihat al-Qasimiy, Mujāhid al-Islam, *al-Waqf* (Beirut: Dār al-Kutūb al-Ilmiyyah, 2001), 8; al-Tarabilisiy, Burhanuddin Ibrahim bin Musa bin Abi Bakar ibn Ali al-Hanāfiy, *al-Is'āf fi Ahkām al-Waqf*, (Mesir: Matba'ah al-Hindiyyah, 1902), 5.

<sup>4</sup>Monzer Khaf, "Waqf A Quick Overview," diakses pada 23 September 2015. [monzer.kahf.com/papers/english/WAQF\\_A\\_QUICK\\_OVERVIEW.pdf](http://monzer.kahf.com/papers/english/WAQF_A_QUICK_OVERVIEW.pdf).

<sup>5</sup>George Makdisi, *The Rise of Colleges: Institution of Learning in Islam and The West* (Edinburgh: Edinburgh University Press, 1981), 28.

<sup>6</sup>*Carravanserai* adalah bangunan wakaf yang besar berbentuk empat segi dibina untuk kemudahan pengembara dan pedagang dan terkenal semasa pemerintahan Kerajaan Seljuk. Lihat Razali Othman, *Institusi Wakaf Sejarah dan Amalan Masa Kini* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013), 68.

<sup>7</sup>Rosnani Hashim dan Abdul Karim Abdul Ghani, *Ekonomi dan Pendidikan dari Perspektif Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000), 107; Siti Mashitoh Mahmood, *Waqf in Malaysia: Legal dan Administrative Perspectives* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press, 2006), 27.

<sup>8</sup>Rosnani Hashim, "Ekonomi dan Pendidikan: Peranan Institusi Wakaf," *Jurnal Pendidikan Islam*, Jil. 3, Bil. 1, April (1990): 47.